



JABATAN KHIDMAT KORPORAT
LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
MENARA HASIL ARAS 13
PERSIARAN RIMBA PERMAI
CYBER 8, 63000 CYBERJAYA
SELANGOR

Telefon : 03-8313 8888
Faks : 03-8313 7836
Portal Rasmi : <http://www.hasil.gov.my/>

Ruj. Kami : LHDN.AJ.100-2/3/1(3)

Tarikh : 13 April 2018

Ketua Pengarang,
Utusan Melayu (Malaysia) Berhad
46M Jalan Lima
Off Jalan Chan Sow Lin,
55200 Kuala Lumpur

Tuan,

ADUAN

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) ingin merujuk kepada keratan akhbar Utusan Malaysia ruangan dalam negeri bertarikh 12 April 2018 mengenai "LHDN sukar dihubungi talian *Hasil Care Line* tidak berfungsi?" oleh pengadu yang menamakan dirinya sebagai Pembayar Cukai.

2. LHDNM merakamkan penghargaan dan ribuan terima kasih atas maklum balas yang diberikan. Pihak kami amat mengalu-alukan maklum balas daripada semua pihak dalam usaha untuk menambah baik perkhidmatan panggilan di Hasil Care Line (HCL).

3. Berhubung dengan aduan yang diterima berkenaan talian *Hasil Care Line*, semakan mendapati panggilan masuk melalui talian *hotline* LHDNM, 1-800 88-5436 dan 03-77136655 sejak 1 Mac 2018 adalah terlalu tinggi dan melebihi had biasa. Dalam waktu puncak, panggilan yang masuk adalah dalam lingkungan 4,000 panggilan sehari berbanding dengan waktu biasa diantara 1,000 – 1,500 panggilan sehari.

4. Selain daripada menghubungi HCL melalui talian bebas tol, pembayar juga boleh menghubungi HCL melalui borang maklumbalas <http://maklumbalas.hasil.gov.my> yang boleh dicapai melalui portal LHDNM – www.hasil.gov.my atau semakan melalui aplikasi *mobile* yang baharu, HASIL InfoQ. Aplikasi ini memudahkan pembayar cukai memperoleh maklumat mengenai percukaian seperti cara-cara pendaftaran Nombor Cukai Pendapatan, kaedah permohonan Nombor Pin e-filing, semakan nombor cukai pendapatan serta semakan status sekatan perjalanan. Aplikasi tersebut boleh dimuat turun melalui *Apps Store* atau *Play Store*.

5. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada penulis atas peluang ini dalam memberi maklumbalas berhubung isu yang dibangkitkan di atas.

Sekian,terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“BERSAMA MEMBANGUN NEGARA”

Saya yang menurut perintah,


(NORAYUNI YA SHAK)

Eksekutif Hasil Kanan II

b.p. Pengarah

Jabatan Khidmat Korporat

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia